



**ABDULLAH** Ahmad Badawi diiringi Mohd. Ali Rustam (tengah) dan Lee Wah Chong (kanan) melihat pokok anggur di dusun buah-buahan tropika di D'Paradise Tropical Fruit World, Kampung Brisu, Alor Gajah, Melaka, semalam. - Gambar GAIE UCHEL

# Komersialkan buah-buahan tropika ke pasaran global - PM

Oleh **ROSNI HASSAN**

MELAKA 15 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan usaha membangunkan dusun buah-buahan tropika di D'Paradise Tropical Fruit World di Kampung Brisu, Alor Gajah di sini, sebagai permulaan kepada usaha untuk mengkomersialkan buah-buahan tropika ke peringkat global.

Perdana Menteri yang gembira dengan usaha itu mahu pemaju projek berkenaan menjalankan penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang berkaitan supaya hasil yang di-

peroleh dapat dikomersialkan.

Menurutnya, projek yang dijalankan itu berpotensi untuk menjadi pemangkin Pembangunan negara.

"Saya rasa cukup gembira dengan inisiatif yang diambil dan usaha yang dicapai setakat ini, saya beritahu mereka, ini bukan bermakna semuanya telah selesai kerana ini masih peringkat permulaan dan saya tekankan pentingkan pemaju (dusun) beri perhatian dalam R&D," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan dusun buah-buahan tropika DTaradise Tropical Fruit World di sini hari ini.

Terdahulu Perdana Menteri meluangkan masa lebih sejam melawat kebun seluas 67.2 hektar itu dengan diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Ketua Pegawai Eksekutif DTaradise Tropical Fruit World, Lee Wah Chong.

Antara tarikan ke dusun itu ialah koleksi pelbagai pokok periuk kera, santuari pepatung yang pertama di dunia dan pokok buah-buahan musim sejuk seperti epal, anggur dan kiwi.

Dusun tropika itu diuruskan Dusun Tropika Sdn. Bhd. yang menjadikan-

• **Lihat muka 2**

# Komersialkan buah-buahan tropika ke pasaran global - PM

nya kawasan perlindungan mutlak pelbagai jenis kehidupan liar eksotik termasuk spesies flora dan fauna yang jarang ditemui.

Selain itu, terdapat juga perkampungan Orang Asli dari pelbagai suku kaum termasuk Penan, Iban, Padaung dan Agta dan boleh dimasuki oleh orang ramai yang ingin merasai suasana kehidupan mereka.

Orang ramai boleh mengunjungi dusun itu dengan bayaran masuk RM49.90 untuk dewasa, RM29.90 bagi kanak-kanak berumur empat hingga 11 tahun dan RM19.90 untuk berpakaian seragam.

Abdullah yakin dengan adanya usaha R&D, hasil dusun tropika itu berpotensi dikomersialkan dengan menghasilkan biji benih buah-buahan secara besar-besaran.

Sejajar dengan itu, beliau menyarankan pengusaha dusun tersebut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian bagi

menghasilkan buah-buahan yang banyak dan lebih berkualiti serta boleh dieksport.

"Hasilkan benih dan buah-buahan yang dapat dihasilkan secara besar-besaran dan dapat dikomersialkan, kemudian jika berjaya kita pindahkan ke kawasan yang lebih luas.

"Kita boleh pergi ke mana-mana sahaja tempat yang ada kawasan yang luas seperti ke Johor, Sabah mahupun Sarawak untuk menanam buah-buahan itu secara besar-besaran "jelas beliau.

Ditanya mengenai ladang D' Paradise Tropical Fruit Farm yang banyak menggunakan teknologi luar negara, Perdana Menteri berkata: "OK untuk meminjam teknologi itu cuma jangan terlalu banyak meminjam, utamakan apa yang kita ada " katanya.

Dusun tropika itu telah dirancang pembinaannya sejak lima tahun lalu dengan idea membangunkannya diperoleh ketika Mohd. Ali bersama Wah Chong melawat dusun tropika di Australia pada 2000.